



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
29 Julai 2026**

PNB Raih Kedudukan Tertinggi di Malaysia dan Keempat di Peringkat Global dalam Skor GSR SWF Global 2026

KUALA LUMPUR, 29 Julai 2026: Permodalan Nasional Berhad (PNB) sekali lagi diiktiraf sebagai institusi pada kedudukan tertinggi di Malaysia dalam Papan Skor GSR (Governance, Sustainability and Resilience) 2026 yang diterbitkan oleh Global SWF (Sovereign Wealth Fund). Buat julung kalinya juga, PNB turut tersenarai pada kedudukan keempat terbaik di peringkat global, berkongsi pencapaian tersebut bersama beberapa institusi antarabangsa lain dalam penarafan tersebut.

Papan Skor GSR menilai lebih 200 institusi pelaburan milik negara di seluruh dunia berdasarkan piawaian tadbir urus, amalan kelestarian dan daya tahan institusi. PNB memperoleh markah keseluruhan sebanyak 88%, merangkumi 90% untuk Tadbir Urus, skor sempurna 100% untuk Kelestarian dan 60% untuk Daya Tahan.

Pencapaian kali ini menandakan lonjakan yang signifikan berbanding tahun 2025, apabila PNB tersenarai di kedudukan ke-17 di peringkat global, mencerminkan usaha berterusan organisasi dalam memperkukuh tadbir urus, menerapkan amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan meningkatkan keupayaan jangka panjang institusi.

Salah satu pencapaian utama dalam penarafan tahun ini ialah PNB memperoleh skor sempurna bagi aspek kelestarian, yang mengiktiraf kekuatan rangka kerja tadbir urus, amalan pendedahan yang telus, komitmen terhadap agenda iklim dan penerapan pertimbangan kelestarian secara sistematik merentasi aktiviti pelaburan dan kepengurusan.

Seiring dengan perkembangan perjalanan ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus)nya, PNB baru-baru ini telah memperbaharui Rangka Kerja Kelestarian, dengan memperluaskan Komitmen ESG terdahulu kepada pendekatan yang lebih bersepadu dan berpandangan jauh. Bertunjangkan tiga teras strategik iaitu Kelestarian Organisasi, Kepengurusan Bertanggungjawab dan Pembangunan Negara, rangka kerja tersebut menyediakan hala tuju yang jelas bagi mewujudkan nilai jangka panjang, memperkukuh daya tahan serta menyampaikan hasil yang mampan kepada pemegang unit dan pihak berkepentingan.

Antara pencapaian penting yang menyokong kejayaan ini ialah pencapaian sasaran Perusahaan Sifar Bersih PNB bagi pelepasan Skop 1 dan Skop 2 pada tahun 2025. PNB turut terus memperkasakan aspirasi Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050 melalui penglibatan aktif dengan syarikat-syarikat pelaburannya serta integrasi pertimbangan berkaitan iklim dalam proses membuat keputusan pelaburan.

Dato' Rizal Rickman Ramli, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, "Pencapaian ini mencerminkan kemajuan yang telah kami capai dalam memperkukuh tadbir urus, menerapkan amalan yang bertanggungjawab dan membina organisasi yang lebih berdaya tahan. Peningkatan kedudukan daripada tangga ke-17 kepada tangga keempat di peringkat global dalam tempoh setahun merupakan pengiktirafan kukuh terhadap usaha kolektif yang dilaksanakan di seluruh PNB."

"Pencapaian skor kelestarian sempurna ini merupakan pengiktirafan yang amat bermakna kepada PNB kerana ia mencerminkan komitmen dan usaha berterusan kami untuk mengintegrasikan pertimbangan kelestarian ke dalam cara kami beroperasi, melabur dan melaksanakan kepengurusan. Menerusi Rangka Kerja Kelestarian yang telah diperbaharui, kami terus memperkukuh pendekatan yang lebih holistik, berteraskan Kelestarian Organisasi, Kepengurusan Bertanggungjawab dan Pembangunan Negara."

"Pencapaian sasaran Perusahaan Sifar Bersih bagi pelepasan Skop 1 dan Skop 2 membuktikan keupayaan kami menterjemahkan komitmen kepada hasil yang boleh diukur. Melangkah ke hadapan, kami akan terus memperkukuh amalan kepengurusan, memperdalam integrasi iklim dan kelestarian merentasi organisasi serta portfolio pelaburan, dan kekal memberi tumpuan kepada penyampaian nilai jangka panjang yang mampan untuk pemegang unit kami," tambah Dato' Rizal Rickman Ramli.

Papan Skor GSR Global SWF berfungsi sebagai penanda aras bagi institusi pelaburan milik negara di seluruh dunia. Pencapaian kukuh PNB membuktikan komitmennya terhadap kepengurusan bertanggungjawab, penciptaan nilai yang mampan dan kecemerlangan institusi, sejajar dengan matlamatnya untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat Malaysia, merentas generasi.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka

Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad